



06 JAN, 2026

Curi elektrik, peniaga didenda RM80,000

Kosmo, Malaysia



Curi elektrik, peniaga didenda RM80,000

KOTA BHARU – Seorang peniaga didenda RM80,000 oleh Mahkamah Sesyen di sini semalam selepas mengaku bersalah atas pertuduhan melakukan penyambungan elektrik secara haram untuk melombong bitcoin di sebuah premis di Kampung Lundang di sini pada Oktober tahun lalu.

Loo Siong Hong, 43, selaku orang kena saman (OKS) membuat pengakuan itu selepas pertuduhan terhadapnya dibacakan di hadapan Hakim Nik Habri Mohamad.

Mengikut pertuduhan, OKS didakwa dengan curangnya menghalang meter elektrik milik Tenaga Nasional Berhad (TNB) daripada merekodkan dengan sempurnanya penggunaan elektrik dengan cara membuat sambungan haram yang disambung pada bahagian terminal keluaran suis fius di panel meter dan dialirkan ke premis.

Perbuatan itu dilakukan di sebuah premis di Kampung Lundang di sini kira-kira pukul 3 petang pada 15 Oktober tahun

lalu. OKS didakwa di bawah perenggan 37(3)(e) Akta Bekalan Elektrik 1990 (Akta 447) dan boleh dihukum di bawah sub-subperenggan 37(3)(A)(ii) akta sama.

Pendakwaan dikendalikan Pengarah Jabatan Undang-Undang Suruhanjaya Tenaga, Khairul Nizam Mohd Kamal manakala OKS tidak diwakili peguam.

Terdahulu, Khairul Nizam memohon hukuman setimpal dikenakan kepada OKS memandangkan kes berkenaan serius dan melibatkan kepentingan awam selain TNB perlu menanggung kerugian sebanyak RM1.33 juta.

“Jenayah yang dilakukan OKS bukan kesalahan tipikal sebaliknya mencuri elektrik bagi tujuan melombong bitcoin. Ia merupakan jenayah yang terancang dan kesannya bukan hanya kepada individu, tetapi kepada kita semua,” katanya.

Mahkamah kemudian menjatuhkan hukuman denda RM80,000.



SIONG HONG mengaku bersalah melakukan penyambungan elektrik secara haram di Mahkamah Sesyen Kota Bharu semalam.